

Tabiat gunakan kereta api boleh dihidup semula — PM

U.M. 12 SEP 1992

KUALA LUMPUR 11 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tabiat menggunakan kereta api boleh dihidupkan semula jika Syarikat KTM Berhad mampu menawarkan perkhidmatan yang menarik, cekap dan selesa kepada para pengguna.

Kata Perdana Menteri, jika stesen-stesen kereta api dibangunkan sebagai pusat membeli belah seperti terminal lapangan terbang umpamanya, orang ramai akan menjadi tertarik untuk menaiki kereta api.

Menurut beliau, sebenarnya, kereta api mempunyai banyak keistimewaan yang tidak ada pada pengangkutan udara dan jalan.

Beliau berkata, untuk pengangkutan udara, perjalanan pergi dan balik dari lapangan terbang biasanya mengambil masa yang panjang.

"Penumpang terpaksa berada di lapangan terbang sejam lebih awal sedangkan melalui perkhidmatan kereta api penumpang boleh berjalan dari tengah bandar ke stesen tanpa perlu menunggu terlalu awal.

"Malah dalam perjalanan yang kurang dari 200 kilometer, kereta api lebih cepat daripada kapal terbang...oleh itu adalah penting bagi KTM Berhad memastikan perkhid-

matan yang selesa, cekap dan cepat serta bermutu dikekalkan sepanjang masa," ujarnya ketika berucap merasmikan pelancaran KTM Berhad di Stesen Besar Kuala Lumpur di sini malam ini.

Katanya, oleh kerana jadualnya tetap dan tambangnya murah daripada perkhidmatan udara, kereta api mempunyai kelebihan untuk menarik perhatian pelanggan.

Perdana Menteri menarik perhatian, dengan sistem dan perkhidmatan yang bermutu, perjalanan bukan sahaja lebih menarik tetapi KTM juga boleh membuat keuntungan.

Katanya, KTM Berhad haruslah memandang jauh ke hadapan kerana bidang pelancongan akan menjadi sektor terpenting pada masa akan datang iaitu selaras dengan dasar kerajaan untuk menggalakkan pelancongan.

Malah, kata Dr. Mahathir, jalinan rangkaian kereta api yang menghubungkan negara-negara jiran adalah sesuai untuk tujuan pelancongan.

Malangnya, kata beliau, sebelum ini KTM tidak berjaya bersaing dengan pengangkutan jalan walaupun ia merupakan salah sebuah agensi pengangkutan darat yang terbesar di negara ini.

"Kini setelah diswastakan

banyak lagi yang dapat dilakukan oleh KTM Berhad untuk menambahkan pendapatan seperti penyediaan gudang, pelabuhan darat, dermaga kontena dan khidmat penghantaran bungkusan.

"Dengan itu tidak ada sebab perkhidmatan kereta api yang diswastakan tidak boleh meraih keuntungan. Yang diperlukan ialah kegigihan dan dedikasi pengurusan serta pekerja di samping sanggup mencuba idea baru," katanya.

Mempercepatkan

Sehubungan dengan itu, beliau menyarankan KTM Berhad mempercepatkan penggunaan kuasa elektrik, landasan berkembar dan landasan bertingkat untuk meningkatkan mutu perkhidmatan.

Menurutnya, perkhidmatan kereta api bukan sahaja tertumpu kepada pengangkutan penumpang sahaja tetapi lebih penting ia boleh digunakan untuk membantu usaha-usaha pembangunan sektor perindustrian khususnya dalam menyediakan kemudahan pengangkutan barangan hasil industri pada kos yang rendah.

"Saya berpendapat jika pengurusan KTM Berhad dinamik, masa depan syarikat ini adalah cerah," tambahnya.

Dr. Mahathir berkata, dasar penswastasaan yang dilancarkan pada pertengahan 1983 bukan sahaja telah berjaya mengurangkan perbelanjaan pengurusan kerajaan tetapi juga meningkatkan pendapatan melalui cukai korporat ke atas khidmat yang diswastakan.

Dengan ini, katanya, kerajaan lebih mampu membiayai bahagian pembangunan yang tidak dapat diswastakan, membayar gaji kakitangannya dan memberi subsidi di mana perlu.

"Jelaslah penswastasaan menguntungkan semua pihak dan negara baik daripada segi kewangan ataupun kualiti khidmat," tambah beliau.

Dr. Mahathir juga percaya, penswastasaan KTM akan dapat menjadikannya sebuah syarikat pengangkutan berdaya maju tanpa perlu bergantung kepada kerajaan.

Dalam pada itu beliau juga menasihati kakitangan KTM Berhad supaya menanam semangat bersaing dengan Penerbangan Malaysia (MAS) dalam melayan penumpang dan pelanggan.

Ini kerana katanya, khidmat yang baik tetap menolong dan tidak merugikan sesiapa pun, sebaliknya khidmat yang buruk tetap akan merugikan.